

PEKAKA RIANG RIMBA
Banded Kingfisher

FAMILI: Halcyonidae
NAMA SINTIFIK: *Lacedo pulchella*



CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa bagi spesies ini mempunyai bahagian ekor yang agak panjang manakala bahagian belakang atas kepala dan belakang tengkuk berwarna biru serta terdapat jalur yang berwarna hitam dan putih. Keseluruhan bahagian atas individu ini berjalur biru ke warna putih dan hitam. Bahagian bawah badan mempunyai jalur yang berwarna kuning pucat cerah. Bagi individu betina dewasa pula, bahagian sisi kepala dan atas badan mempunyai jalur yang berwarna merah kehitaman manakala bahagian bawah badan mempunyai jalur-jalur berwarna putih dan hitam pada bahagian dada dan sisi bahagian badan. Individu juvenil jantan bagi spesies ini mempunyai warna yang lebih pudar manakala jalur-jalur pada bahagian sisi telinga dan dada kelihatan lebih kotor. Bahagian hujung paruh berwarna pudar di mana pada bahagian dasar paruh ini berwarna coklat dan bahagian atas pula berwarna perang. Bagi individu juvenil betina pula, ia mempunyai warna bulu yang pudar serta terdapat jalur-jalur hitam yang jelas pada bahagian bawah badan. Bahagian paruh menyerupai individu juvenil jantan.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 21.5 - 24.5 sm.

MAKANAN

Ikan dan haiwan akuatik.

HABITAT

Kawasan hutan dipterokap serta di kawasan hutan campuran, kawasan hutan buluh dan selalunya dijumpai di kawasan yang jauh daripada kawasan berair, pada ketinggian sehingga ke 1,100 m dari aras laut.

BUNYI

Individu jantan bagi spesies ini mengeluarkan bunyi siulan yang panjang diikuti dengan 15 bunyi siulan yang perlahan *wheeeoo chi-wiu chi-wiu chi-wiu chi-wiu chi-wiu*. Ia juga mengeluarkan bunyi *wiak wiak* yang tajam.

PEMBIAKAN

Musim membiak pada bulan Mac-Mei di mana sarang dibina pada bahagian lohong di kawasan tebing atau pada tumbuhan rotan pada ketinggian sehingga ke 3 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji berwarna putih dan berukuran kira-kira 24.6x20.8 mm berdasarkan sampel spesies di Borneo.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.